

19 JAN 1996
Rahim-Mahathir
RAHIM JUMPA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Bekas Ketua Pergerakan Pemuda Umno Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik hari ini mengadakan pertemuan singkat dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Sri Perdana di sini.

Perjumpaan itu adalah berikutan keputusan Majlis Tertinggi Umno Selasa lepas untuk menyerahkan kembali jawatan ketua pergerakan Pemuda Umno kepada beliau.

Abdul Rahim dalam ulasannya selepas itu berkata beliau mahu berjumpa Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang juga Timbalan Presiden Umno dan Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Nazri Abdul Aziz terlebih dahulu sebelum membuat keputusan sama ada menerima atau tidak jawatan ketua pergerakan itu.

Beliau juga telah berkata akan mengumumkan keputusannya pada Isnin ini.

Abdul Rahim yang berbaju Melayu berwarna kuning masuk ke kediaman rasmi Perdana Menteri dengan kereta berwarna hijau pada pukul 5.45 petang. Kereta beliau meninggalkan Sri Perdana pada pukul 6.25 petang.

Malam tadi Abdul Rahim menemui Nazri di sini.

Abdul Rahim baru-baru ini dibebaskan daripada dua tuduhan rasuah dan tuduhan gagal mengisytiharkan harta. Beliau juga bebas daripada dakwaan mempunyai hubungan sulit dengan seorang gadis bawah umur.

Berikutan penarikan balik semua tuduhan di mahkamah itu, Nazri telah menawarkan semula jawatan ketua pergerakan itu yang dipangkunya sejak September 1994 kepada Abdul Rahim.

Kenyataan Nazri menimbulkan pelbagai reaksi di kalangan pemimpin dan anggota pergerakan itu di seluruh negara. Bagaimanapun Exco pergerakan itu dalam mesyuaratnya pada 8 Jan lepas membuat keputusan untuk menyerahkan perkara itu kepada Majlis Tertinggi Umno. -- BERNAMA